



BULETIN CUACA BULANAN


MAC 2025

Pendahuluan

Negara sedang mengalami fasa Peralihan Monsun yang bermula pada 25 Mac 2025 dan berterusan sehingga Mei 2025. Permulaan fasa ini menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut 2024/2025 yang telah bermula sejak 5 November 2024. Dalam tempoh ini, rantau negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah yang amat sesuai untuk kejadian ribut petir yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat. Kejadian ini berlaku terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di negeri-negeri pantai barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah dan Sarawak. Keadaan cuaca ini berpotensi menyebabkan banjir kilat serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.

Hujan

Berdasarkan anomali hujan sepanjang bulan Mac 2025 (Rajah 1), kebanyakan stesen di Semenanjung Malaysia mencatatkan peratusan anomali hujan dari purata hingga 60% di bawah paras purata termasuk Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu dan utara Pahang. Manakala Johor, Melaka dan selatan Pahang pula mencatatkan peratusan anomali hujan 20 – 60 % di atas paras purata. Manakala, keseluruhan Sabah dan Sarawak merekodkan peratusan anomali hujan dari purata hingga 20 – 60 % di atas paras purata.




Rajah 1: Anomali Hujan (Mac 2025)

Secara umumnya, pada bulan Mac lepas, Semenanjung merekodkan jumlah hujan bulanan antara 20 mm hingga 700 mm. Jumlah hujan bulanan tertinggi di Semenanjung telah direkodkan di Senai (666.0 mm), manakala jumlah hujan bulanan terendah direkodkan di Kota Bharu, Kelantan (21.8 mm). Di Sarawak, jumlah hujan bulanan adalah antara 150 mm hingga 700 mm. Mulu merekodkan bacaan jumlah hujan bulanan tertinggi iaitu sebanyak 683.2 mm, manakala jumlah hujan bulanan terendah direkodkan di Miri (191.0 mm). Di Sabah pula, jumlah hujan bulanan adalah antara 100 mm hingga 600 mm. Jumlah hujan bulanan tertinggi dan terendah masing-masing direkodkan di Sandakan (585.0 mm) dan Tawau (131.2 mm).

Di Semenanjung Malaysia, jumlah hujan harian tertinggi telah direkodkan di Senai pada 19 Mac 2025 dengan bacaan sebanyak 195.2 mm, manakala bacaan harian terendah direkodkan di Kerteh sebanyak 6.8 mm pada 8 Mac 2025. Di Sarawak pula, jumlah hujan harian tertinggi dan terendah direkodkan di Mulu (171.8 mm) pada 5 Mac 2025 dan di Miri (42.6 mm) pada 1 Mac 2025. Manakala di Sabah, jumlah hujan harian tertinggi telah direkodkan sebanyak 300.8 mm di Sandakan pada 19 Mac 2025, dan jumlah hujan harian terendah direkodkan di Keningau sebanyak 49.6 mm pada 8 Mac 2025.




Bilangan hari hujan tertinggi di Semenanjung Malaysia direkodkan di Senai, Johor dengan cerapan 23 hari hujan, manakala bilangan hari hujan terendah direkodkan di Kota Bharu, Kelantan dan Kuala Terengganu, Terengganu sebanyak 7 hari hujan. Di Sarawak, bilangan hari hujan tertinggi direkodkan di Kuching, Sri Aman, Kapit dan Mulu dengan cerapan 25 hari hujan, manakala bilangan hari hujan terendah direkodkan di Limbang dengan cerapan sebanyak 15 hari hujan. Di Sabah pula, bilangan hari hujan tertinggi dan terendah direkodkan di Ranau (26 hari hujan) dan Kota Kinabalu (14 hari hujan).




Rajah 2: Jumlah Hujan Bulanan (Mac 2025)

Suhu


Suhu purata bulanan di kawasan tanah rendah adalah berjulat di antara 23.0°C hingga 29.0°C . Di Semenanjung, Alor Setar mencatatkan bacaan suhu maksimum tertinggi iaitu 36.7°C . Manakala di Sarawak dan Sabah pula, Sibu, Limbang dan Keningau merekodkan suhu maksimum tertinggi masing-masing sebanyak 35.4°C dan 33.9°C . Suhu minimum terendah untuk kawasan tanah rendah di Semenanjung direkodkan di Senai, Johor iaitu 21.5°C . Manakala Keningau (Sabah) dan Sibu (Sarawak) merekodkan suhu minimum terendah masing-masing sebanyak 21.7°C dan 22.3°C . Stesen di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands dan Ranau mencatatkan purata suhu masing-masing pada 19.0°C dan 24.5°C .



Rajah 3: Purata Suhu Bulanan (Mac 2025)



Rajah 4: Purata Suhu Maksimum Bulanan (Mac 2025)



Rajah 5: Purata Suhu Minimum Bulanan (Mac 2025)

Sinaran Suria

Purata sinaran suria harian bagi kawasan tanah rendah adalah dalam julat 14.0 MJm^{-2} hingga 25.0 MJm^{-2} . Bacaan purata sinaran harian tertinggi dan terendah yang direkodkan di kawasan tanah rendah ialah Pulau Langkawi (23.1 MJm^{-2}) dan Kuching (14.1 MJm^{-2}). Purata sinaran suria yang telah direkodkan di kawasan tanah tinggi ialah 17.7 MJm^{-2} (Cameron Highlands) dan 17.2 MJm^{-2} (Ranau). Sisihan positif terbesar dari normal ialah $+5.0 \text{ MJm}^{-2}$ yang direkodkan di Kapit, Sarawak manakala Tawau, Sabah mencatatkan sisihan negatif terbesar dari normal iaitu -5.8 MJm^{-2} .

Sejatan

Bagi kawasan tanah rendah, Chuping mencatatkan purata kadar sejatan harian tertinggi dengan bacaan 6.2 mm/hari , manakala Kuala Pilah, Negeri Sembilan mencatatkan purata kadar sejatan harian terendah dengan bacaan 2.4 mm/hari . Sisihan positif terbesar dari normal direkodkan di Chuping iaitu sebanyak $+1.0 \text{ mm/hari}$, manakala sisihan negatif terbesar dari normal, iaitu -1.5 mm/hari , direkodkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Bagi



kawasan tanah tinggi Cameron Highland, purata kadar sejatan harian yang direkodkan ialah 1.3 mm/hari.

Disediakan oleh:

Pusat Iklim Nasional

Jabatan Meteorologi Malaysia

30 Apr 2025